

24/02/2001

Saman malu: Permohonan Anwar ditolak

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mahkamah Persekutuan hari ini menolak permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mendapat kebenaran bagi merayu keputusan Mahkamah Tinggi yang membatalkan saman malunya terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah, yang bersidang bersama Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Malek Ahmad, membuat keputusan itu selepas menangguhkannya Isnin lalu.

Mohamed Dzaiddin yang menulis penghakiman enam halaman itu, mendapati Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Kamalanathan Ratnam betul dalam keputusannya membatalkan saman itu.

"Selepas membaca alasan penghakiman hakim perbicaraan itu, kami mendapati hakim berkenaan betul dalam pemerhatian terhadap perkara perlindungan bersyarat dan kewajaran yang ditimbulkan dalam pembelaan defendan (Dr Mahathir).

"Kami ingin menambah bahawa hakim itu bergantung kepada fakta yang dikemukakan dan pengakuan Munawar (Dr Munawar Ahmad Aness) dan Sukma (Sukma Darmawan Sasmitaat Madja) berhubung perbuatan kelucahan melampau dalam kes jenayah mereka untuk memutuskan perkataan yang diucapkan defendan adalah wajar," katanya.

Berhubung perlindungan bersyarat, Mohamed Dzaiddin berkata, mahkamah mendapati hakim perbicaraan menggunakan ujian dan undang-undang yang betul mengikut fakta serta keadaan kes itu.

"Oleh itu, berdasarkan keadaan kes ini, pertimbangan utama adalah sama ada pemohon (Anwar) akan mempunyai kes prima facie (ada kes) untuk berjaya jika permohonan kebenaran merayu dibenarkan berdasarkan kepada persoalan undang-undang yang dirumuskan mahkamah.

"Selepas bersetuju dengan alasan dan kesimpulan yang dibuat oleh hakim perbicaraan berhubung pembelaan perlindungan bersyarat dan wajar serta menggunakan undang-undang mengikut fakta kes itu, pendapat kami pada masa ini bahawa jika kebenaran diberikan, pemohon tidak mempunyai peluang untuk berjaya," katanya.

Mohamed Dzaiddin berkata, bukan menjadi amalan Mahkamah Persekutuan untuk memberi alasan penghakiman berhubung permohonan untuk mendapat kebenaran merayu itu.

Bagaimanapun, katanya, mahkamah berpendapat ia perlu menyatakan alasan menolak permohonan itu walaupun Mahkamah Persekutuan sebelum ini tidak menimbang serta memutuskan perkara prinsip am undang-undang.

Peguam Datuk Mohd Adnan Shuib dan N Chandran mewakili Dr Mahathir manakala Anwar diwakili oleh Karpal Singh, S N Nair dan Zukifli Nordin.

Pada 9 Disember tahun lalu, tiga panel hakim yang diketuai Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim sebulat suara menolak rayuan Anwar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman terbabit, dengan kos.

Dua hakim lain yang mendengar kes itu ialah Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong Jiew Fook.

(END)